

Kata Majmuk

- **Kata Majmuk** merupakan kata yang terhasil apabila dua kata dasar atau lebih dirangkaikan menjadi satu.
- Pembentukan kata majmuk akan membawa satu makna tertentu.



Latihan 1

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang sesuai.

• nasi lemak	• cita rasa	• taman permainan
--------------	-------------	-------------------

• menang tangan	• mi rebus	• anak sulung
-----------------	------------	---------------

Mak Cik Kiah berniaga _____. Warung terletak berhampiran dengan _____. Banyak orang membeli nasi lemak di warung Mak Cik Kiah. Mak Cik Kiah tidak _____ melayan para pelanggannya. Selain nasi lemak, Mak Cik Kiah juga menjual _____ yang dibuat oleh isterinya. Makanan yang dijual oleh Mak Cik Kiah memenuhi _____ penduduk di kawasan itu. Mak Cik Kiah turut dibantu oleh _____nya untuk melancarkan perniagaannya.

Latihan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Tan Sri Baharom mempunyai 400 orang _____ di syarikatnya.
A suruhanjaya
B kakitangan
C warganegara
D sukarela
2. Abang Ramlan menghadiri _____ di sebuah syarikat di Kota Damansara.
A uji kaji
B kaji selidik
C temu ramah
D temu duga

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Rajan menyusun _____ lama itu di atas meja.
A buku catatan
B kertas kerja
C surat khabar
D surat rasmi
4. Encik Ahmad Zaki menghantar pelancong itu ke Putrajaya secara _____.
A sukarela
B sukaneka
C setiausaha
D sukacita
5. Pihak polis sedang menjalankan _____ terhadap suspek itu.
A soal siasat C bedah siasat
B soal jawab D soal selidik

6. Pondok bacaan itu telah dirasmikan oleh _____ sekolah tersebut.
A Menteri Besar
B guru besar
C Duta Besar
D orang besar

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7. Asri merupakan seorang atlet sukan _____ yang berjiwa besar.
A kapal tangki
B kapal layar
C kapal laut
D kapal selam
8. Syarat utama untuk menjadi anggota polis ialah _____ Malaysia.
A bumiputera
B warganegara
C setiausaha
D kakitangan
9. Previn Raj pulang ke kampung halamannya dengan menaiki _____.
A kereta lembu
B kereta kebal
C kereta api
D kereta kabel
10. Cik Sarina bekerja sebagai _____ di firma guaman itu.
A sediakala
B sukarela
C sukacita
D setiausaha